

Malaysia rancang guna sistem AEWIC

BH-28/5/2007

TUDM mahu tingkat benteng pertahanan udara



**Hardi Effendi
Yaacob**
di Irkutsk, Russia

MALAYSIA sedang mengkaji untuk menggunakan Sistem Amaran Awal Udara (AEWC) dalam usaha memperkukuhkan benteng pertahanannya, selain menangani masalah pencerobohan ruang udara oleh pesawat asing yang boleh mengancam keselamatan negara.

Ia sejajar pemilikan pelbagai pesawat tempur moden oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) termasuk terbaru, Sukhoi 30-MKM, dilengkapi pelbagai teknologi canggih termasuk radar pengesan yang boleh diintegrasikan terus kepada AEWIC.

Panglima TUDM, Jeneral Datuk Seri Azizan Ariffin, berkata kerajaan sudah mengarahkan pihaknya mengkaji penggunaan sistem itu, terutama kepentingannya terhadap pertahanan udara negara.

"Sebaik kajian selesai, TUDM akan menghantar cadangan itu kepada kerajaan untuk kelulusan dan pembeviannya menggunakan peruntukan sedia ada.

"Bila ada sistem ini, bertambah kemas sistem pertahanan udara kita, dibantu kehadiran pesawat tempur moden yang kita gunakan," katanya.

Beliau mengetuai rombongan pegawai kanan TUDM menerima dua daripada 18 pesawat tempur, Sukhoi 30-MKM, di sini, baru-baru ini.

Turut serta Timbalan Setiausaha

Bahagian Kementerian Pertahanan, Ibrahim Yassin dan Panglima Markas Logistik Udara, Brig Jen Datuk Ackbal Abdul Samad.

Pada 2003, Kerajaan Malaysia menempah 18 unit Sukhoi 30-MKM menerusi perjanjian ditandatangani bersama FSUE Rosoboronexport sebagai pembekal utama, selain Sukhoi Company dan IVC bagi mereka bentuk serta membina pesawat tempur bernilai RM190 juta setiap satu itu.

Menerusi kerjasama pintar itu, Malaysia memperoleh banyak manfaat, termasuk pemindahan teknologi pertahanan dan aeroangkasa Russia, sekali gus memperkukuhkan hubungan diplomasi antara kedua-dua negara yang terjalin sejak 1967.

Diminta mengulas lanjut, Azizan berkata, sistem amaran itu digunakan secara meluas banyak negara maju, yang terbukti keberkesannya mengekang sebarang ancaman


melalui udara negara terbabit.

"Sudah tiba masa sistem sama digunakan di sini. Saya bersikap optimis dan yakin cadangan TUDM akan mendapat maklum balas positif daripada kerajaan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Pangkalan Udara Gong Kedak berhampiran Pasir Puteh, Kelantan, sudah bersedia untuk menerima dua Sukhoi 30-MKM pertama, Jun ini.

Azizan berkata, TUDM bercadang menjadikan pangkalan yang dibina ketika zaman British sebagai Pusat Operasi Sukhoi 30-MKM (Skuadron No 2) berikutan kedudukannya yang strategik daripada persepsi pertahanan.

"Projek menaik taraf pangkalan itu sedang dilakukan dan dijangka siap sepenuhnya tidak lama. Ia akan dilengkapi pelbagai kemudahan canggih, termasuk simulator dalam usaha menjadikannya pangkalan udara termoden negara," katanya.



“Malaysia seelok-eloknya perlu ada AEWIC untuk mengawal ruang udara kita, terutama dengan banyak ancaman baru di seluruh dunia”

Azizan Ariffin
Panglima TUDM